



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	24/11/2019	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Saluran paip berkembar dasar laut siap 2020

GEORGETOWN - Kerja pembinaan projek Saluran Paip Berkembar Dasar Laut Pulau Pinang (PTSP) telah tiba ke fasa akhir dan dijangka siap menjelang akhir 2020.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow berkata, projek bernilai RM114.3 juta itu membabitkan pembinaan saluran paip menghubungkan Loji Rawatan Air Sungai Dua di Seberang Perai dan Stesen Pam Bukit Dumbar di bahagian pulau yang dapat mem-

bekalkan sehingga 315 juta liter air terawat setiap hari bersamaan 126 kolam renang bersaiz Olimpik.

"Apabila siap pada hujung tahun depan, projek ini akan memanfaatkan kira-kira 500,000 penduduk yang tinggal di bahagian selatan pulau," katanya ketika berucap sebelum lawatan projek teknikal di Gat Lebu Macallum di sini semalam.

Beliau berkata, projek PTSP akan turut menyokong PTSP pertama yang ditauliahkan pada 1973 dan hampir mencapai tamat tempoh selepas 46 tahun digunakan.

"Projek PTSP ketiga ini akan menyokong dasar 'tiada catuan air' di masa depan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Jaseni Maidinsa berkata, dua fasa pertama projek itu membabitkan pemasangan paip daratan di bahagian pulau

dan tanah besar masing-masing siap dilaksanakan pada November 2017 dan Ogos 2019.

Beliau berkata, fasa akhir projek itu akan membabitkan pemasangan 3.2 kilometer saluran paip berkembar dengan garis pusat 1.2 meter di dasar laut merentasi selat yang memisahkan tanah besar daripada pulau.

"Ini merupakan bahagian projek paling mencabar kerana ia membabitkan kejuruteraan dasar laut dan tepi pantai," katanya.

Beliau berkata, kerja bagi fasa akhir merangkumi pengerukan saluran bawah laut bagi pemasangan saluran paip dasar laut, tebus guna tanah dan perlindungan pantai.

"Keseluruhannya kemajuan bagi fasa ini adalah kira-kira 34 peratus siap dan kami berharap projek ini dapat digunakan sepenuhnya menjelang akhir 2020," katanya. - *Bernama*



KON YEOW